

### Syarikat Korporat Diseru Sumbang Dana Kanak-Kanak – Datin Seri Rosmah



Datin Paduka Seri Rosmah Mansor beramah mesra dengan salah seorang peserta Kem Harapan DRB-HICOM 2010 selepas upacara simbolik penyerahan kunci kem tersebut.

**SERDANG, 30 April** – Syarikat korporat diseru menyediakan peruntukan khas tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk disalurkan kepada program pembangunan potensi kanak-kanak, kata isteri Perdana Menteri, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor.

“Sumbangan mereka kepada dana amanah *1Malaysia Children Trust Fund* yang bakal diwujudkan kelak mampu memajukan kanak-kanak Malaysia dari semua aspek kehidupan.

“Bayangkan jika 838 syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia bergabung dengan 117 syarikat yang tersenarai di Mesdaq menyumbangkan sebahagian belanjawan CSR mereka kepada dana yang dicadangkan ini,” kata beliau ketika merasmikan Kem Harapan DRB-HICOM 2010 Peringkat Kebangsaan di sini.

Kem anjuran Yayasan Harapan Kanak-Kanak Malaysia (YHKM) di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada bulan Jun depan bertujuan membentuk disiplin, kepimpinan dan kerohanian untuk 310 pelajar berusia 10-15 tahun daripada pelajar cemerlang, anak yatim dan tidak berkemampuan dari daerah Pekan dan lokasi lain di Pahang.



Pengarah Kumpulan Automotive DRB-HICOM Berhad, Dato' Nik Hamdam Nik Hassan (kanan) menyerahkan sumbangan RM70,000 kepada Penaung Kehormat YHKM.

UPM menjadi rakan kongsi strategik yang akan menyediakan khidmat kepakaran motivasi, fasilitator pelajar selain menyediakan fasiliti penginapan, dewan kuliah dan kemudahan lain sepanjang kem itu nanti.

Datin Paduka Seri Rosmah yang juga Penaung YHKM berkata Kumpulan DRB-HICOM sebagai sebuah syarikat yang prihatin dan proaktif dalam isu-isu kebaikan kanak-kanak

telah menyahut gagasannya apabila menjalin hubungan strategik dengan YHKM.

Beliau berkata pemilihan UPM sebagai lokasi Kem Harapan didorong oleh kejayaan penganjuran program 'Selangkah Ke Universiti' anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri dan Kementerian Pengajian Tinggi baru-baru ini.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata UPM amat menyokong program itu kerana berupaya membentuk kesedaran pada generasi muda supaya bertanggungjawab terhadap pembangunan bangsa dan negara.

"UPM menyediakan khidmat kepakaran dalam bidang motivasi bagi kem ini untuk memberi nilai tambah kepada generasi muda yang merupakan aset penting negara.



Datuk Naib Canselor UPM menyampaikan cenderamata kenangan kepada isteri Perdana Menteri sambil diperhatikan oleh Setiausaha Kehormat YHKM, Tn Hj. Wan Mohd Nazri Wan Hassan (tengah) dan Ahli Lembaga Pengarah YHKM, Dato' V. Sivaparanjothi (kiri).

"Anak-anak yang terlibat dalam kem ini akan menikmati keistimewaan kehidupan kampus melalui pelbagai program yang dikendalikan oleh pelajar UPM sendiri," katanya yang berharap kerjasama strategik antara UPM dengan YHKM dapat dilestarikan bagi membangunkan generasi muda pelapis kepimpinan negara.

YHKM adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan dengan matlamat utama menjaga hak dan kebajikan kanak-kanak Malaysia.

Pada majlis itu, YHKM turut menyumbang 13 komputer kepada 12 buah sekolah dan rumah anak yatim di bawah projek komunitinya yang dikenali sebagai *Children Education Fund* (CEF).



Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia